

Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

HTS7500
HTS7520
HTS7540



MS-MY Manual pengguna

PHILIPS

Daftar kandungan

1	Penting	4
	Notis keselamatan penting	4
	Notis tanda dagangan	4
	Penjagaan	6
2	Produk anda	7
	Sorotan ciri	7
	Gambaran keseluruhan produk	8
3	Sambungkan	11
	Letakkan produk	11
	Sambungkan kabel video	12
	Sambungkan kabel pembesar suara ke pembesar suara	13
	Sambungkan pembesar suara ke dirian pembesar suara	13
	Sambungkan pembesar suara dan subwoofer	14
	Sambungkan antena radio	15
	Sambungkan kabel audio/peranti lain	15
	Sambungkan LAN	17
	Sambungkan kord kuasa	18
4	Bermula	19
	Masukkan bateri kalawan jauh	19
	Cari saluran tontonan yang betul	19
	Gunakan menu Laman utama	20
	Pilih bahasa paparan menu	20
	Sediakan rangkaian	20
	Gunakan Pautan Mudah Philips	21
5	Main	23
	Mainkan cakera	23
	Mainkan video	24
	Mainkan muzik	28
	Mainkan foto	28
	Main dari peranti USB	30
	Main dari pemain media mudah alih	30
	Mainkan dari radio	31
6	Laraskan bunyi	33
	Kawal kelantangan	33
	Tukar trebel dan bes	33
	Pilih bunyi surround	33
	Pilih bunyi pratetap	34
7	Laraskan tetapan	35
	Persediaan Video	35
	Persediaan Audio	36
	Persediaan Keutamaan	38
	Persediaan PautanMudah	39
	Persediaan Lanjut	40
8	Kemas kinikan perisian	42
	Kemas kini perisian melalui rangkaian	42
	Kemas kinikan perisian melalui USB	42
9	Spesifikasi	43
10	Menyelesaikan masalah	45
11	Glossary	47

1 Penting

Notis keselamatan penting



Amaran

- Risiko pemanasan melampau! Jangan pasang produk dalam ruang yang terhad. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada produk tersebut.
- Jangan sekali-kali letakkan produk, kawalan jauh atau bateri berhampiran dengan api terbuka atau sumber haba yang lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Hanya gunakan produk ini di dalam bangunan. Jauhkan produk ini daripada air, kelembapan dan objek yang berisi cecair.
- Jangan letak produk ini di atas kelengkapan elektrik yang lain.
- Jauhkan diri anda daripada produk ini semasa ribut kilat.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Sinaran laser boleh nampak dan sinaran laser tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.

Hak cipta Macrovision

Produk ini menggabungkan teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh tuntutan kaedah beberapa paten A.S dan lain-lain hak harta intelektual yang dimiliki oleh Macrovision Corporation dan pemilik hak yang lain. Penggunaan teknologi perlindungan hak cipta ini mesti mendapat kebenaran daripada Macrovision Corporation, dan dimaksudkan untuk penggunaan tontonan di rumah dan lain-lain tempat yang terhad sahaja melainkan dibenarkan oleh Macrovision Corporation. Kejuruteraan terbalik atau membuka pemasangan adalah dilarang.

Notis kitar semula



Kelengkapan elektronik ini mengandungi bilangan bahan yang banyak yang boleh dikitar semula atau digunakan semula jika dibuka oleh syarikat khusus. Jika anda melupuskan mesin lama, sila bawakannya ke pusat kitar semula. Sila amalkan peraturan tempatan mengenai pelupusan bahan pembungkusan, bateri lama dan kelengkapan lama.

Hak cipta



Be responsible
Respect copyrights

Membuat salinan bagi bahan yang dilindungi hak cipta secara tidak sah, termasuk program komputer, fail, siaran dan rakaman bunyi, boleh menjadi pelanggaran hak cipta dan menjadi kesalahan jenayah. Kelengkapan ini tidak seharusnya digunakan untuk tujuan tersebut.

Notis tanda dagangan



HDMI, dan logo HDMI serta High-Definition Multimedia Interface adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar LLC pelesenan HDMI.



Windows Media dan logo Windows adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.



Logo USB-IF adalah tanda dagangan Universal Serial Bus Implementers Forum, inc.




DivX, DivX Ultra Certified, dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.
Produk DivX® Ultra Certified rasmi.
Memainkan semua versi video DivX® (termasuk DivX® 6) dengan main balik fail media DivX® dan DivX® Media Format yang dipertingkatkan.
Memainkan video DivX® dengan menu, sarikata dan trek audio.



'DVD Video' adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.



'Blu-ray Disc' dan logo 'Blu-ray Disc' adalah tanda dagangan.



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby, Pro Logic dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. Paten # s: 5,451,942; 5,956,674; 5,974,380; 5,978,762; 6,487,535; & paten A.S lain. dan

seluruh dunia yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS adalah tanda dagangan berdaftar dan logo serta Simbol DTS, DTS-HD dan HTS-HD Advanced Digital Out adalah tanda dagangan DTS, Inc. © 1996-2008 DTS, Inc. Semua Hak Terpelihara.



Java dan semua tanda dagangan serta logo Java yang lain adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Sun Microsystems, Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.



BONUSVIEW™

'BD LIVE' dan 'BONUSVIEW' adalah tanda dagangan Persatuan Blu-ray Disc.



'AVCHD' dan logo 'AVCHD' adalah tanda dagangan Matsushita Electric Industrial Co., Ltd dan Sony Corporation.

X.v.Colour

'x.v.Colour' adalah tanda dagangan Sony Corporation.



ENERGY STAR dan tanda ENERGY adalah tanda A.S. yang berdaftar..



Penjagaan

!

Awas

- Jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair, pembersih komersil atau semburan anti statik yang dimaksudkan untuk cakera.

Bersihkan cakera

Lap cakera dengan kain pembersih mikrogentian dari tengah ke tepi, menggunakan pergerakan lurus.

2 Produk anda

Tahniah atas pembelian anda, dan selamat datang ke Philips! Untuk mendapat manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang Philips tawarkan, daftarkan produk anda di www.philips.com/welcome.

Sorotan ciri

Pautan Mudah Philips

Produk anda menyokong Pautan Mudah Philips, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Peranti yang akur Pautan Mudah yang bersambung melalui penyambung HDMI boleh dikawal dengan satu kawalan jauh.



Catatan

- Philips tidak menjamin 100% kesalingfungsian dengan semua peranti HDMI CEC.

BONUSVIEW/PIP (Gambar-dalam-Gambar)

Ini merupakan fungsi baru BD-Video yang memainkan video utama dan video kedua serentak. Pemain Blu-ray dengan spesifikasi Profil Piawaian Muktamad atau Profil 1.1 boleh memainkan ciri Bonus View.

BD-Langsung

Sambungkan produk ini ke tapak web studio filem melalui port LAN untuk mengakses pelbagai kandungan terkini (cth. pratonton dimuat semula dan ciri khas yang eksklusif). Anda juga boleh menikmati kemungkinan generasi seterusnya, seperti muat turun nada dering/kertas dinding, interaksi rakan sebaya, acara langsung dan aktiviti permainan.

Hiburan Definisi Tinggi

Tontoni cakera kandungan definisi tinggi dengan HDTV (Televisyen Definisi Tinggi). Sambungkannya melalui kabel HDMI berkelajuan tinggi (1.3 atau kategori 2). Anda boleh menikmati kualiti gambar yang hebat sehingga 1080p resolusi dengan kadar bingkai sebanyak 24 bingkai satu saat dengan output imbas progresif.

Bunyi surround saluran 5.1 fideliti tinggi

Produk ini menyokong audio definisi tinggi seperti Dolby TrueHD dan DTS-HD Advanced Digital Out. Mempersembahkan pengalaman bunyi yang betul-betul hidup seolah-olah anda mendengarnya secara langsung.


Kod rantau

Anda boleh memainkan cakera dengan kod rantau berikut.

Kod rantau	Negara
DVD	BD
 	 Eropah, United Kingdom
 	 Asia Pasifik, Taiwan, Korea
 	 Amerika Latin
 	 Australia, New Zealand
 	 Russia, India
 	 China

Gambaran keseluruhan produk

Unit utama



① Ⓛ (Bersedia-Hidup)

Hidupkan Sistem Teater Rumah atau beralih ke mod siap sedia.

② Petak cakera

③ Panel paparan

④ Sensor IR

Mengesan isyarat daripada kawalan jauh. Halakan kawalan jauh secara terus ke sensor.

⑤ ▲ (Buka/Tutup)

Buka atau tutup petak cakera.

⑥ SOURCE

Memilih media untuk memainkan atau mendengar audio daripada peranti yang bersambung.

⑦ ►|| (Main/Jeda)

- Mula, jeda atau sambung semula main.
- Dalam mod radio, tala stesen radio secara automatik pada persediaan kali pertama.

⑧ ➕ USB bicu

Sambungkan peranti yang disokong USB.


⑨ MP3 LINK bicu

Sambungkan pemain audio mudah alih

⑩ VOL +/- (Kelantangan +/-)

Naikkan atau kurangkan kelantangan.

Kawalan jauh



③ Butang sumber

- DISC / POP-UP MENU:** Beralih ke sumber cakera. Akses ke menu cakera sewaktu main.
- RADIO:** Beralih ke radio FM.
- USB:** Beralih ke peranti USB yang bersambung.
- AUDIO SOURCE:** Pilih input audio.

Paparan	Peranti bersambung ke
AUX1	AUDIO IN-AUX1
AUX2	AUDIO IN-AUX2
COAX IN	DIGITAL IN-COAXIAL
OPTI IN	DIGITAL IN-OPTICAL
MP3 LINK	MP3 LINK

④ Butang berwarna

Cakera Blu-ray sahaja: Pilih tugas atau pilihan.

⑤ (Menu laman utama)

Akses menu utama.

⑥ OPTIONS

Akses pilihan untuk aktiviti atau pemilihan semasa.

⑦ (Butang navigasi)

Navigasi menu.

⑧ OK

Sahkan entri atau pemilihan.

⑨ INFO

Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.

⑩ (Main)

Mula atau sambung semula main

⑪ (Jeda)

- Jedakan main.
- Gerakkan gambar yang dijeda satu langkah ke hadapan.

⑫ (Henti)

- Hentikan main.
- Tekan dan tahan untuk memadam stesen radio pratetap.

① (Bersedia-Hidup)

- Hidupkan atau alihkan teater rumah ke mod siap sedia.
- Apabila EasyLink didayakan, tekan dan tahan selama sekurang-kurangnya tiga saat untuk mengalihkan semua peranti yang mematuhi HDMI CEC yang bersambung ke siap sedia.

② OPEN/CLOSE

Buka atau tutup petak cakera.

(13) ✘ (Senyap)

Bisukan atau simpan semula output audio.

(14) TREBLE / BASS

Tukar trebel atau bes. Gunakan dengan $\Delta +/-$.

(15) SOUND MODE

Pilih mod bunyi.

(16) Butang angka

Pilih item atau tetapan.

(17) SUBTITLE

Pilih bahasa sari kata untuk video.

(18) REPEAT / PROGRAM

- Togol antara pelbagai mod ulangan atau shuffle.
- Dalam mod radio, tekan untuk memulakan pratetap radio manual; tekan dan tahan untuk memulakan pratetap radio automatik.

(19) HDMI

Pilih resolusi video bagi output HDMI dari teater rumah.

(20) BONUS VIEW

Cakera Blu-ray sahaja: Dayakan atau nyahdayakan Bonus View/ciri Gambar-dalam-Gambar.

(21) AUDIO SYNC

Segerakkan audio dengan video. Gunakan dengan $\Delta +/-$.

(22) AUDIO

- Dalam mod video, togol antara bahasa audio.
- Dalam mod radio, togol antara stereo dan mono.

(23) $\Delta +/-$ (Kelantangan +/-)

Naikkan atau kurangkan kelantangan.

(24) SURR. SOUND

- Alihkan output audio ke mod surround saluran berbilang atau stereo.
- Untuk HTS7200 sahaja: Alih output audio ke pembesar suara DOLBY Virtual atau mod Stereo.

(25) ▶/▶ (Sebelumnya/Seterusnya)

- Dalam mod video, langkau ke tajuk, bab atau trek sebelumnya atau seterusnya.
- Dalam mod radio, pilih stesen radio pratetap.

(26) ◀◀/▶▶ (Undur Laju / Maju Laju)

Mengundur atau memaju dengan laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.

(27) BACK

Kembali ke skrin menu sebelumnya.

(28) TOP MENU

Akses menu utama cakera video.

3 Sambungkan

Lakukan sambungan berikut untuk menggunakan Sistem Teater Rumah anda. Untuk panduan interaktif komprehensif, lihat www.connectivityguide.philips.com.

Sambungan asas:


- Video
- Pembesar suara dan subwufer
- Kuasa

Sambungan pilihan:

- Antena radio
- Audio
 - Audio dari TV
 - Sambungkan audio dari kotak kabel/perakam/konsol permainan
- Peranti lain
 - Pemain media mudah alih
 - Peranti USB
- LAN (Rangkaian)

Catatan

- Rujuk kepada plat jenis di belakang atau di bawah produk untuk pengenalpastian dan pengadaran bekalan.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah diputuskan sambungan daripada alur keluar kuasa.



Peletakan pembesar suara ini adalah untuk HTS7520 sahaja.

Set pembesar suara berbeza untuk HTS7500 dan HTS7540. (lihat 'Spesifikasi' > 'Pembesar Suara').

- 1 Letakkan Sistem Teater Rumah ini berhampiran dengan TV
- 2 Letakkan sistem pembesar suara pada tahap pendengaran yang biasa dan benar-benar selari dengan kawasan pendengaran.
- 3 Letak subwufer di sudut bilik atau sekurang-kurangnya 1 meter (3 kaki) daripada TV.

Petua

- Untuk mengelak daripada gangguan magnet atau bunyi yang tidak dikehendaki, jangan letak teater rumah ini terlalu hampir dengan sebarang peranti penyinaran.

Letakkan produk

- Letak produk di tempat ia tidak boleh ditolak, tertarik atau terjatuh. Jangan letakkannya dalam kabinet yang tertutup.
- Pastikan anda mempunyai akses sepenuhnya kepada kord kuasa untuk memutuskan sambungan produk daripada bekalan kuasa dengan mudah.

Sambungkan kabel video


Sambungkan Sistem Teater Rumah ini ke TV untuk melihat mainan cakera. Pilih sambungan video terbaik yang boleh disokong oleh TV.

- Pilihan 1: Sambungkan ke bicus HDMI (untuk TV akur HDMI, DVI atau HDCP).
- Pilihan 2: Sambungkan ke bicus video komponen (bagi TV biasa atau TV Imbas Progresif).
- Pilihan 3: Sambungkan ke bicus video (CVBS) (bagi TV biasa).

Catatan

- Anda mesti sambungkan Sistem Teater Rumah ini secara terus ke TV.

Pilihan 1: Sambungkan ke bicus HDMI




- 1 Sambungkan kabel HDMI ke bicus **HDMI OUT** pada Sistem Teater Rumah ini dan bicus input HDMI pada TV.

Petua

- Jika TV mempunyai hanya penyambung DVI, sambungkan melalui penyesuai HDMI/DVI. Sambungkan kabel audio untuk output bunyi.
- Anda boleh mengoptimalkan output video. Tekan **HDMI** berulang kali untuk memilih resolusi terbaik yang boleh disokong oleh TV.
- Untuk memainkan balik imej video digital video BD atau video DVD melalui sambungan HDMI, kedua-dua Sistem Teater Rumah dan peranti paparan perlu menyokong sistem perlindungan hak cipta disebut HDCP (sistem perlindungan kandungan digital lebar jalur tinggi).
- Sambungan jenis ini menyediakan kualiti gambar yang paling baik.

Pilihan 2: Sambungkan ke bicus video komponen




- 1 Sambungkan kabel video komponen (tidak dibekalkan) ke bicus **Y Pb Pr** pada Sistem Teater Rumah dan bicus input **VIDEO KOMPONEN** pada TV.

Catatan

- Bicus input video komponen pada TV mungkin dilabel sebagai **Y Pb Pr**, **Y Cb Cr** atau **YUV**.
- Sambungan jenis ini menyediakan kualiti gambar yang baik.

Pilihan 3 : Sambungkan ke bicus Video (CVBS)




- 1 Sambungkan kabel video komposit (tidak dibekalkan) ke bicus **VIDEO** pada Sistem Teater Rumah ini dan bicus input **VIDEO** pada TV.

Catatan

- Bicus input video pada TV mungkin dilabelkan sebagai **A/V IN**, **VIDEO IN**, **COMPOSITE** atau **BASEBAND**.
- Sambungan jenis ini menyediakan kualiti gambar standard.


Sambungkan kabel pembesar suara ke pembesar suara



- 1 Padankan warna kabel ke tab terminal.
- 2 Tekan tab terminal ke bawah dan masukkan hujung berjulur kabel pembesar suara, kemudian lepaskan.

Sambungkan pembesar suara ke dirian pembesar suara


Untuk pembesar suara HTS7540 dan pembesar suara hadapan HTS7520 sahaja




- 1 Pasangkan pembesar suara ke dirian pembesar suara dan ketatkan kedudukan dengan skru

Sambungkan pembesar suara dan subwoofer

Untuk HTS7500 dan HTS7540 (HTS7540 mempunyai set pembesar suara yang berlainan)



Untuk HTS7520




- 1 Sambungkan pembesar suara dan subwoofer ke biccu yang sepadan pada Sistem Teater Rumah ini.



Catatan

- Pastikan warna plug dan biccu sepadan.

Sambungkan antena radio




Sambungkan kabel audio/ peranti lain

Halakan audio daripada peranti lain ke Sistem Teater Rumah ini untuk menikmati mainan audio dengan keupayaan surround berbilang saluran.

Sambungkan audio daripada TV

(juga digunakan untuk kawalan Pautan Mudah)



- 1 Sambungkan antena FM ke biccu **FM75 Ω** pada Sistem Teater Rumah ini (untuk sesetengah model, kabel ini telah pun disambungkan).
- 2 Panjangkan antena FM dan pasang hujungnya pada dinding.



Petua

- Bagi penerimaan stereo FM yang lebih baik, sambungkan ke antena FM luaran.

- 1 Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) ke biccu **AUDIO IN-AUX1** pada Sistem Teater Rumah ini dan biccu output AUDIO pada TV.




Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'AUX 1' dipaparkan pada panel paparan.

Sambungkan audio daripada kotak kabel, perakam atau konsol permainan

Anda boleh memilih untuk menyambungkan ke bicu analog atau digital bergantung pada kemampuan peranti.

Sambungkan ke bicu analog




- 1 Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) ke bicu **AUDIO IN-AUX2** pada Sistem Teater Rumah dan bicu output **AUDIO** pada peranti.

Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'AUX2' dipaparkan pada panel paparan.

Sambungkan ke bicu sepaksi




- 1 Sambungkan kabel sepaksi (tidak dibekalkan) ke bicu **DIGITAL-IN-COAXIAL** pada Sistem Teater Rumah ini dan bicu output COAXIAL/DIGITAL pada peranti.

Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'COAX IN' dipaparkan pada panel paparan.

Sambungkan ke bicu optik




- 1 Sambungkan kabel sepaksi (tidak dibekalkan) ke bicu **DIGITAL-IN-OPTICAL** pada Sistem Teater Rumah ini

dan bincu output OPTICAL/SPDIF pada peranti.

Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'OPTI IN' dipaparkan pada panel paparan.

Sambungkan pemain media mudah alih




- 1 Sambungkan kabel audio stereo 3.5mm (tidak dibekalkan) ke bincu **MP3 LINK** pada Sistem Teater Rumah ini dan bincu telefon pada pemain media mudah alih (seperti pemain MP3).

Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'MP3 LINK' dipaparkan pada panel paparan.

Sambungkan peranti USB




- 1 Sambungkan peranti USB ke bincu  pada Sistem Teater Rumah.

Catatan

- Sistem Teater Rumah ini hanya boleh memainkan/mempamerkan MP3, WMA, DivX (Ultra) atau fail JPEG yang disimpan pada peranti tersebut.
- Tekan **USB** untuk mengakses kandungan dan memainkan fail.

Sambungkan LAN

Sambungkan Sistem Teater Rumah ini ke rangkaian untuk kemas kini perisian dan menikmati aplikasi BD-Live.



- 1 Sambungkan kabel rangkaian (tidak dibekalkan) ke bincu **LAN** pada Sistem Teater Rumah ini dan bincu LAN pada modem atau penghala jalur lebar.

Catatan

- Gunakan kabel lurus RJ45. Jangan gunakan kabel lintasan.
- Akses Internet kepada tapak web Philips untuk kemas kinian perisian mungkin tidak dibenarkan, bergantung kepada penghala yang anda gunakan atau dasar Pembekal Perkhidmatan Internet. Hubungi Pembekal Perkhidmatan Internet anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sambungkan kord kuasa




Amaran

- Risiko kerosakan produk! Pastikan voltan bekalan kuasa sepadan dengan voltan yang dicetak pada bahagian belakang atau bawah produk.
- Sebelum sebarang sambungan ke alur keluar kuasa dibuat, tetapkan pemilih voltan (di belakang atau bawah produk ini) pada voltan talian kuasa tempatan.

- 1 Sambungkan kord kuasa ke alur keluar kuasa apabila semua sambungan yang diperlukan telah selesai dibuat.
↳ Produk ini sedia untuk disediakan untuk penggunaan.

4 Bermula


Masukkan bateri kalawan jauh



- 1 Luncurkan penutup bateri keluar daripada belakang kawalan jauh.
- 2 Masukkan bateri 2 yang dibekalkan (AAA). Pastikan kutub + dan - bateri sepadan dengan tanda di bahagian dalam kes.
- 3 Luncurkan penutup kembali pada kedudukannya.

Catatan

- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Keluarkan bateri jika telah tandus atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, ia harus dilupuskan dengan betul.

Butang	Tindakan
▲ / ▼	Gerak ke atas atau bawah
◀ / ▶	Gerak ke kiri atau kanan
OK	Sahkan pemilihan.
	Masukkan nombor
⌂	Akses ke menu Laman utama.

Cari saluran tontonan yang betul

- 1 Tekan Ⓛ (**Bersedia**) untuk menghidupkan produk ini.
- 2 Tekan **DISC** untuk beralih ke mod cakera.
- 3 Hidupkan TV dan beralih ke saluran video-masuk yang betul melalui satu daripada cara berikut:
 - Pergi ke saluran paling rendah pada TV anda, kemudian tekan butang Saluran ke Bawah sehingga anda melihat skrin Philips atau menu Laman utama.
 - Tekan butang  **SOURCE** berulang kali pada kawalan jauh TV anda.

Petua

- Saluran video-masuk berada antara saluran paling rendah dan paling tinggi dan mungkin disebut FRONT, A/V IN, VIDEO, HDMI dll. Lihat manual pengguna TV dalam bahagian cara memilih input yang betul pada TV.

Navigasi melalui menu

- 1 Halakan kawalan jauh langsung pada sensor jauh pada produk dan pilih fungsi yang dikehendaki.
- 2 Gunakan butang berikut pada kawalan jauh untuk menavigasi melalui menu pada skrin.

Gunakan menu Laman utama



Tekan **Home** (Menu laman utama).

- Pilih **[Main Ckra]** untuk memulakan mainan cakera.
- Pilih **[USB]** untuk melihat kandungan USB.
- Pilih **[Seting]** untuk mengakses menu persediaan.

Pilih bahasa paparan menu



Catatan

- Langkah tetapan ini jika produk ini bersambung dengan TV yang mematuhi HDMI CEC. Ia beralih secara automatik ke bahasa menu OSD yang sama seperti dalam tetapan TV anda.

- 1 Dalam menu Laman utama, pilih **[Seting]** dan tekan **OK**.
- 2 Pilih **[Persediaan Keutamaan]**, kemudian tekan **▶**.
- 3 Pilih **[Bahasa OSD]**, kemudian tekan **OK**.

Bahasa OSD	English
Kwlqn Ibu Bapa	繁體中文
Gambar Skrin	Melayu
Tukar PIN	简体中文
Panel Paparan	
Siap sedia Auto	
PBC	
Pemasra Tidur	

- Pilihan bahasa adalah berlainan bergantung pada negara atau rantau anda. Ia mungkin tidak sepadan dengan rajah yang ditunjukkan di sini.

- 4 Tekan **▲▼** untuk memilih bahasa, kemudian tekan **OK**.




Petua

- Anda boleh menetapkan bahasa lalai untuk cakera DVD, lihat ('Laraskan tetapan' > 'Persediaan Video' > **[Menu Cakera]**).

Sediakan rangkaian

Iikut langkah-langkah di bawah untuk membantu anda menyediakan sambungan rangkaian bagi kemas kinian perisian dan menikmati aplikasi BD-Langsung.



- 1 Sambungkan teater rumah ke modem atau penghala jalur lebar.
- 2 Hidupkan TV anda dan beralih ke sumber untuk teater rumah yang betul.
- 3 Tekan **Home**, pilih **[Seting]**, dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[Psdiaan Lanjutn] > [Rangkaian] > [Strus]**.
- 5 Tekan **OK**.
↳ Teater rumah bersambung kepada internet. Jika sambungan gagal, pilih **[Cuba semula]**, kemudian tekan **OK**.
- 6 Pilih **[Selesai]**, kemudian tekan **OK** untuk keluar.



Catatan

- Memuatkan kandungan BD-Langsung daripada internet mungkin mengambil masa, bergantung kepada saiz fail dan kelajuan sambungan internet.

Gunakan Pautan Mudah Philips

Produk anda menyokong Pautan Mudah Philips, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Peranti yang akur Pautan Mudah yang bersambung melalui penyambung HDMI boleh dikawal dengan satu kawalan jauh.



Catatan

- Philips tidak menjamin 100% kesalingfungsian dengan semua peranti HDMI CEC.

- 1 Hidupkan operasi HDMI CEC pada TV dan lain-lain peranti yang bersambung. Lihat manual TV/peranti untuk mendapatkan butiran.
- 2 Anda kini dapat menikmati kawalan Pautan Mudah Philips yang berikut.

EasyLink

Mati atau hidupkan semua ciri Pautan Mudah.

Mainan satu sentuhan

Apabila anda menekan **PLAY** pada alat kawalan jauh, TV (jika menyokong mainan satu sentuhan) dan Sistem Teater Rumah akan dihidupkan. Mainan cakera bermula jika terdapat cakera dalam Sistem Teater Rumah dan TV beralih secara automatik kepada saluran yang betul untuk menayangkan kandungan video.

Siap sedia satu sentuhan

Apabila anda menekan dan menahan **Ø (Bersedia)** pada alat kawalan jauh, Sistem Teater Rumah ini dan semua semua peranti HDMI CEC yang bersambung (jika menyokong siap sedia satu sentuhan) beralih ke mod siap sedia secara serentak.

Kawalan Audio Sistem

Apabila anda memainkan peranti yang output audionya dihala ke Sistem Teater Rumah ini, Sistem Teater Rumah ini beralih ke sumber audio yang sepadan secara automatik. Untuk menggunakan audio satu sentuhan, petakan peranti bersambung dengan betul ke bicus input audio Sistem Teater Rumah ini.

Pemetaan Input Audio

Apabila anda memetakan sambungan antara peranti lain dan bicus input audio Sistem Teater Rumah ini, anda boleh menikmati ciri Kawalan Audio Sistem (audio satu sentuhan).

Petakan peranti ke input audio



Catatan

- Sebelum anda mula, pastikan output audio HDMI TV dan peranti HDMI lain telah disambungkan kepada bincu input audio pada Sistem Teater Rumah ini.

P'sediaan Video	EasyLink	• Hidup
P'sediaan Audio	Main Satu Sntuh	• Hidup
Persediaan Keutamaan	S/Sdia Satu Sntuh	• Hidup
Psdiaan E/Link	Kawalan Audio Sistem	• Mati
Psdiaan Lanjutn	Pmtaan Input Aud	•

- Tekan **»,**, pilih **[Seting]**, kemudian tekan **OK**.
- Pilih **[Psdiaan E/Link]**, kemudian tekan **»**.
 - [Main Satu Sntuh]** dan **[S/Sdia Satu Sntuh]**, fungsinya dihidupkan secara lalai.
- Pilih **[Kawalan Audio Sistem] > [Hidup]**.
- Baca arahan pada skrin dan tekan **OK** untuk memilih **[Teruskan]**.
↳ Sistem Teater Rumah mengimbas dan memaparkan peranti yang sah.
- Pilih **OK** untuk memilih **[Teruskan]**.

Philips TV	• Aux1
Recorder	• Aux2
DVD player	• Coaxial
	• Optical

- Pilih penyambung yang digunakan untuk peranti, kemudian tekan **OK**.
↳ Ulang langkah 6~7 untuk memetakan peranti lain.
- Tekan **«** untuk keluar daripada menu.

Kemas kini pemetaan audio daripada peranti yang bersambung

Jika anda telah memetakan audio daripada peranti yang bersambung, anda boleh menggunakan prosedur ini untuk mengemas kini pemetaan anda.

- Tekan **«**, pilih **[Seting]**, kemudian tekan **OK**.
- Pilih **[Psdiaan E/Link] > [Pmtaan Input Aud]**, kemudian tekan **OK**.
- Pilih peranti yang bersambung, kemudian tekan **»**.
- Pilih penyambung yang digunakan untuk peranti, kemudian, tekan **OK**.
- Ulang langkah 4~5 untuk memetakan peranti lain yang bersambung.

- Pilih peranti yang bersambung pada bahagian kiri menu, kemudian tekan **»**.

5 Main

Mainkan cakera



Awas

- Jangan letakkan objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan sentuh kanta optikal cakera di dalam petak cakera.

- 1 Tekan ▲ untuk membuka petak cakera.
- 2 Masukkan cakera dengan labelnya menghadap ke atas.
 - Bagi cakera yang bermuka dua, muatkan muka yang hendak dimainkan menghadap ke atas.
- 3 Tekan ▲ untuk menutup petak cakera dan memulakan mainan cakera.
 - Untuk melihat mainan cakera, hidupkan TV kepada saluran tontonan yang betul bagi Sistem Teater Rumah ini.
 - Untuk menghentikan mainan cakera, tekan ■.




Catatan

- Periksa jenis cakera yang disokong, (lihat 'Spesifikasi' > 'Media main balik').
- Jika menu entri kata laluan dipaparkan, masukkan kata laluan sebelum anda boleh memainkan cakera yang dikunci atau disekat (lihat 'Laraskan tetapan' > 'Persediaan Keutamaan' > [Kwlan Ibu Bapa]).
- Jika anda menjedakan atau menghentikan cakera, gambar skrin muncul setelah 10 minit tiada aktiviti. Untuk menyahaktifkan gambar skrin, tekan sebarang butang.
- Setelah anda menjeda atau menghentikan cakera dan tiada butang ditekan dalam masa 30 minit, produk ini akan beralih ke mod siap sedia secara automatik.

Maklumat mengenai kandungan cakera

Kandungan cakera biasanya dibahagikan ke dalam seksyen atau folder (kumpulan tajuk/fail) sebagaimana ditunjukkan di bawah.



- 'Folder' merujuk kepada kumpulan fail.
- 'Trek' merujuk kepada kandungan yang dirakam pada CD audio.
- 'Fail' merujuk kepada kandungan pada cakera yang dirakam dalam format fail MP3, Windows Media™ Audio/Video, atau JPEG.

Mainkan video

Kawal mainan video

- 1 Mainkan tajuk.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal tajuk.

Butang	Tindakan
■	Menjedakan mainan.
▶(Main)	Memulakan atau menyambungkan mainan.
■	Menghentikan mainan. <ul style="list-style-type: none">• Menu laman utama dipaparkan.
▶	Melangkau ke tajuk atau bab seterusnya.
◀	Melangkau ke permulaan tajuk atau bab semasa. Tekan dua kali untuk melompat ke tajuk atau bab sebelumnya.
◀◀ / ▶▶	Mencari mara cepat (kanan) atau putar semula cepat (kiri). Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. <ul style="list-style-type: none">• Dalam mod jeda, main undur atau maju perlahan.

Catatan

- Main balik cakera sentiasa bermula dari tempat ia terakhir dihentikan. Untuk memulakan main balik dari awal, tekan **OK** semasa mesej dipaparkan.
- Untuk cakera BD dengan aplikasi Java, fungsi sambung semula tidak tersedia.

Tukar mainan video


- 1 Mainkan tajuk.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk menukar mainan video.

Butang	Tindakan
AUDIO	Memilih bahasa atau saluran audio.
SUBTITLE	Pilih bahasa sari kata untuk video.
REPEAT	Memilih atau mematikan mod ulang. <ul style="list-style-type: none">• Pilihan ulangan berbeza bergantung kepada jenis cakera.• Untuk VCD, main berulang hanya boleh dibuat apabila mod PBC dimatikan.
INFO	Memaparkan status semasa atau maklumat cakera.
OPTIONS	Mengakses pilihan untuk aktiviti atau pemilihan semasa. <ul style="list-style-type: none">• Tukar pilihan main di sini tanpa mengganggu mainan cakera. Sebagai contoh, Zum, Carian Masa.
BONUS VIEW	Menghidupkan atau mematikan video kedua dalam tetingkap skrin kecil semasa dimainkan (berkenaan hanya bagi video BD yang menyokong BONUSVIEW atau ciri Gambar-Dalam-Gambar).

Catatan

- Sesetengah operasi mungkin tidak berfungsi dengan sesetengah cakera. Lihat maklumat yang dibekalkan bersama cakera untuk mendapatkan butiran.

Menu paparan



Cakera video BD

- **TOP MENU** menghentikan mainan video dan menunjukkan menu cakera. Ciri ini bergantung kepada cakera.
- **POP-UP MENU** mengakses menu cakera video BD tanpa mengganggu mainan cakera.

Cakera video DVD

- **DISC MENU** memaparkan maklumat cakera dan memandu anda melalui fungsi yang tersedia dalam cakera.
- **TOP MENU** memaparkan kandungan dalam cakera.

Cakera VCD/SVCD:

- **DISC MENU** memaparkan kandungan cakera.



Petua

- Jika tetapan PBC dimatikan, VCD/SVCD melangkau menu dan mula bermain daripada tajuk pertama. Untuk memaparkan menu sebelum dimainkan, hidupkan tetapan PBC (lihat bab 'Laraskan tetapan' - 'Persediaan Keutamaan' > [PBC]).

Pilih tajuk/bab

- 1 Semasa mainan, tekan **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Tajuk]** atau **[Bab]** dalam menu, kemudian, tekan **OK**.
- 3 Pilih tajuk atau nombor bab, kemudian tekan **OK**.

Langkau pantas ke masa tertentu

- 1 Semasa mainan, tekan **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Carian Msa]** dalam menu kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang angka** untuk menukar masa anda hendak melangkau, kemudian tekan **OK**.

Zum masuk/keluar

- 1 Semasa mainan, tekan **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Zum]** dalam menu kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (**◀▶**) untuk memilih faktor zum, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** untuk menyorot melalui gambar yang dizum.
 - Untuk membatalkan mod zum, tekan **BACK** untuk memaparkan bar faktor zum, kemudian tekan **◀** berulang kali sehingga faktor zum **[X1]** dipilih.

Ulangkan mainan untuk bahagian tertentu

- 1 Semasa mainan, tekan **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Ulang A-B]** dalam menu, kemudian tekan **OK** untuk menetapkan titik mula.
- 3 Majukan mainan video, kemudian tekan **OK** untuk eamnetapkan titik penghujung.
↳ Mainan ulangan bermula.
 - Untuk membatalkan mod mainan ulangan, tekan **OPTIONS**, pilih **[Ulang A-B]** dan tekan **OK**.



Catatan

- Bahagian yang bertanda untuk mainan ulangan hanya boleh dilakukan di dalam trek/tajuk.

Lihat mainan video daripada sudut kamera yang berlainan

- 1 Semasa mainan, tekan  **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.
- 2 Pilih [**Snrai Sdut**] dalam menu kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih pilihan sudut, kemudian tekan **OK**.
↳ Mainkan perubahan kepada sudut yang dipilih.




Catatan

- Diguna pakai hanya pada cakera yang mengandungi pemandangan berbilang sudut.

Segerakkan output audio dengan mainan video

Jika mainan video lebih perlahan daripada output audio (bunyi tidak sepadan dengan gambar), anda boleh menundakan output audio supaya sepadan dengan video.



- 1 Tekan **AUDIO SYNC**.
↳ 'AUDIO SYNC' dipaparkan.
- 2 Dalam masa lima saat, tekan  untuk menetapkan masa tunda untuk output audio.



Catatan

- Jika kawalan kelantangan tidak digunakan dalam masa lima saat, ia akan menyambung semula fungsi kawalan kelantangan biasa.

Mainkan video BD

Video Blu-ray adalah cakera optik yang mempunyai kemampuan lebih besar dan menyokong ciri seperti video definisi tinggi, bunyi surround berbilang saluran, menu interaktif dan sebagainya.

- 1 Masukkan cakera video BD.
- 2 Tekan , pilih [**Main Ckra**] dan tekan **OK**.
- 3 Mainan bermula secara automatik atau pilih pilihan mainan dalam menu dan tekan **OK**.
 - Semasa mainan, anda boleh menekan **TOP MENU** untuk memaparkan maklumat, ciri atau kandungan tambahan yang disimpan dalam cakera.
 - Sewaktu mainkan, anda boleh menekan **POP-UP MENU** untuk memaparkan menu cakera tanpa mengganggu mainan cakera.

Nikmati BONUSVIEW

Cakera Blu-ray yang menyokong ciri Bonus View (juga dikenali sebagai Gambar-dalam-Gambar) membenarkan anda untuk menonton kandungan khas seperti komentar pengarah semasa menonton ciri utama.



(A) Video utama

(B) Video kedua

- 1** Tekan **BONUS VIEW** untuk menghidupkan tetingkap video kedua.
- 2** Tekan **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.
- 3** Pilih **[Bahasa Audio Kedua]** atau **[Bhsa SariKata Kedua]** dalam menu, kemudian, tekan **►**.
- 4** Pilih bahasa untuk dimainkan, kemudian, tekan **OK**.

Nikmati BD-LIVE

(berkenaan hanya bagi video BD yang didayakan BD Langsung)

Kandungan tambahan seperti gazet filem, sari kata, dll, boleh dimuat turun ke simpanan luaran (USB) pada Sistem Teater Rumah ini. Data video khas boleh dimainkan balik sambil ia dimuat turunkan.

Apabila cakera yang menyokong BD-Langsung dimainkan balik, ID Sistem Teater Rumah atau cakera boleh dihantar kepada pembekal kandungan melalui internet. Perkhidmatan dan fungsi yang akan disediakan berbeza bergantung pada cakera.

Catatan

- Gunakan peranti USB dengan sekurang-kurangnya 1GB ruang kosong untuk menyimpan fail yang dimuat turun.

Mainkan video DivX®

Video DivX adalah format media digital yang mengekalkan kualiti yang tinggi walaupun pada kadar pemampatan yang tinggi. Anda boleh menikmati video DivX pada produk yang disahkan.

- 1** Masukkan cakera atau USB yang mengandungi video DivX.
- 2** Tekan **►**, pilih **[Main Ckra]** atau **[USB]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Menu kandungan dipaparkan.
- 3** Pilih tajuk untuk dimainkan, kemudian tekan **►(Main)**.
- 4** Gunakan kawalan jauh untuk mengawal mainan video.

Butang	Tindakan
AUDIO	Memilih bahasa atau saluran audio.
SUBTITLE	Pilih bahasa sari kata untuk video.
■	Menghentikan mainan. <ul style="list-style-type: none"> • Untuk video DivX Ultra, tekan butang ini sekali lagi untuk memaparkan menu kandungan.

Catatan

- Anda hanya boleh memainkan video DivX yang disewa atau dibeli yang mempunyai kod pendaftaran DivX pemain ini (lihat ‘Laraskan Tetapan’ > ‘Persediaan Lanjutan’ > **[Kod VOD DivX®]**).
- Anda boleh memainkan fail video DivX sehingga 4GB.

Mainkan muzik

Kawal trek

- 1 Mainkan trek.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal trek.

Butang	Tindakan
II	Menjedakan mainan.
►(Main)	Memulakan atau menyambungkan mainan.
■	Menghentikan mainan.
►	Melangkau ke trek seterusnya.
◀	Melangkau ke permulaan trek semasa. Tekan dua kali untuk melompat ke trek sebelumnya.
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0	Memilih item untuk dimainkan.

◀◀ / ▶▶	Mencari mara cepat (kanan) atau putar semula cepat (kiri). Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
REPEAT	Memilih atau mematikan mod ulang atau kocok.

 Catatan
<ul style="list-style-type: none">• Bagi sesetengah cakera audio komersial, main balik cakera sentiasa disambungkan semula dari tempat terakhir ia dihentikan. Untuk memulakan mainan dari trek pertama, tekan OK.

Mainkan muzik MP3/WMA

MP3/WMA adalah sejenis fail audio yang sangat dimampatkan (fail dengan lanjutan .mp3, .wma).

- 1 Masukkan cakera atau USB yang mengandungi muzik MP3/WMA.

- 2 Tekan , pilih [Main Ckra] atau [USB], kemudian tekan OK.
↳ Menu kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih folder, kemudian tekan OK.
- 4 Pilih trek untuk dimainkan, kemudian tekan ►(Main).
 - Untuk kembali ke menu utama, tekan  BACK.



Catatan

- Bagi CD yang dirakam dalam berbilang sesi, hanya sesi pertama dimainkan.
- Pemain ini tidak menyokong format audio MP3PRO.
- Jika sebarang aksara khas terdapat di dalam nama trek MP3 (ID3) atau nama album, ia mungkin tidak dipaparkan dengan betul pada skrin kerana aksara ini tidak disokong.
- Sesetengah fail WMA dilindungi Pengurusan Hak Digital (DRM), ia tidak boleh dimainkan pada produk ini.
- Folder/fail yang melebihi had produk ini yang disokong tidak dipaparkan atau dimainkan.

Mainkan foto

Mainkan foto sebagai pertunjukan slaid

Anda boleh memainkan foto JPEG (fail dengan lanjutan .jpeg atau .jpg).

- 1 Masukkan cakera atau USB yang mengandungi foto JPEG.
- 2 Tekan , pilih [Main Ckra] atau [USB], kemudian tekan OK.
↳ Menu kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih folder/album yang anda hendak mainkan.
 - Untuk memilih foto, tekan **Butang navigasi**.
 - Untuk memaparkan foto yang dipilih dan memulakan pertunjukan slaid, tekan OK.
- 4 Tekan ►(Main) untuk memulakan mainan pertunjukan slaid.



Catatan

- Anda mungkin memerlukan masa yang lebih lama untuk memaparkan kandungan cakera pada TV disebabkan bilangan lagu/foto yang besar yang dikumpulkan pada satu cakera/peranti USB.
- Produk ini hanya boleh memaparkan gambar kamera digital menurut format JPEG-EXIF, yang biasa digunakan oleh hampir semua kamera digital. Ia tidak boleh memaparkan Motion JPEG dan gambar dalam format selain daripada JPEG, atau klip bunyi yang dikaitkan dengan gambar.
- Folder/fail yang melebihi had produk ini yang disokong tidak dipaparkan atau dimainkan.

Kawal mainan foto

- 1 Mainkan pertunjukan slaid foto.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal foto.

Butang	Tindakan
◀	Memutarkan foto melawan arah jam.
▶	Memutarkan foto mengikut arah jam.
▲	Membalikkan foto dari atas ke bawah.
▼	Membalikkan foto dari kiri ke kanan (imej cermin).
■	Menghentikan mainan.
☰ OPTIONS	Mengakses pilihan untuk aktiviti atau pemilihan semasa. Contohnya, Zum.



Catatan

- Sesetengah operasi mungkin tidak berfungsi dengan sesetengah cakera atau fail.

Tetapkan selang pertunjukan slaid dan animasi

- 1 Semasa mainan, tekan ☰ OPTIONS.
↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.
- 2 Pilih [Tempoh tiap slaid] dalam menu kemudian tekan OK.
- 3 Pilih tempoh bagi setiap slaid, kemudian tekan OK.
- 4 Pilih [Animasi Slaid] dalam menu kemudian tekan OK.
- 5 Pilih jenis kesan animasi slaid yang anda hendak gunakan, kemudian tekan OK.

Mainkan pertunjukan slaid muzikal


Mainkan fail muzik MP3/WMA dan fail foto JPEG serentak untuk mencipta pertunjukan slaid muzikal. Fail MP3/WMA dan JPEG mesti disimpan pada cakera atau peranti USB yang sama.

- 1 Mainkan muzik MP3/WMA
- 2 Tekan ↲ BACK untuk kembali ke menu utama.
- 3 Navigasi ke folder/album foto dan tekan OK untuk memulakan mainan pertunjukan slaid.
 - ↳ Pertunjukan slaid bermula dan berterusan sehingga akhir folder atau album foto.
 - ↳ Audio terus bermain sehingga akhir cakera.
 - Untuk menghentikan mainan pertunjukan slaid, tekan ■.
 - Untuk menghentikan mainan muzik, tekan ■ sekali lagi.

Main dari peranti USB

Main atau lihat fail MP3, WMA/WMV, DivX (Ultra) atau JPEG pada peranti USB yang berikut:

- pemacu denyar
- pembaca kad memori
- HDD (sumber kuasa luaran diperlukan)
- Kamera digital




- 1 Sambungkan peranti USB ke biccu **USB**.
- 2 Tekan , pilih **[USB]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Menu kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih fail untuk dimainkan, kemudian tekan **▶(Main)**.
↳ Mainan bermula (lihat 'Mainkan muzik, Mainkan foto, Mainkan video' untuk mendapatkan butiran).
 - Untuk menghentikan mainan, tekan atau keluarkan peranti USB.

Catatan

- Jika peranti tidak muat ke dalam biccu USB, sambungkannya melalui kabel panjang USB.
- Tidak semua kamera digital disokong. Kamera digital yang memerlukan pemasangan program PC tidak disokong.
- Format data NTFS (Sistem Fail Teknologi Baru) tidak disokong.

Main dari pemain media mudah alih

Hanya sambungkan pemain media mudah alih anda (cth. pemain MP3) ke Sistem Teater Rumah ini untuk menikmati kualiti bunyi yang sangat istimewa dari koleksi muzik anda.




- 1 Sambungkan kabel audio stereo 3.5mm (tidak dibekalkan) daripada biccu **MP3 LINK** pada Sistem Teater Rumah ke biccu 'fon kepala' pada pemain media mudah alih.
- 2 Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'MP3 LINK' dipaparkan.
- 3 Mulakan mainan pada pemain media mudah alih anda.
 - Untuk menghentikan mainan, tekan **STOP** pada pemain media mudah alih anda.

Catatan

- Mengawal main balik hanya boleh dibuat pada pemain media mudah alih anda.
- Hentikan mainan pada pemain media mudah alih sebelum anda beralih ke media/sumber main yang lain.

Mainkan dari radio

Periksa sama ada antena FM telah disambungkan ke Unit Teater Rumah ini. Jika tidak, sambungkan antena FM yang dibekalkan ke bicus **FM75 Ω** dan pasangkan hujungnya pada dinding.



Petua

- Untuk penerimaan terbaik, letakkan antena jauh daripada TV atau sumber sinaran lain.
- Untuk penerimaan stereo FM yang lebih baik, sambungkan antena FM luaran (tidak dibekalkan).

Penalaan kali pertama

Apabila anda mengakses mod radio buat pertama kali, ikuti arahan untuk memasang stesen radio.

- Tekan **RADIO**.
↳ 'AUTO INSTALL ... PRESS PLAY'
(PASANG AUTO ... TEKAN MAIN)
dipaparkan.
- Tekan **▶(Main)**.
↳ Semua stesen radio yang dikesan disimpan.
↳ Sebaik sahaja selesai, ia menala ke stesen radio pertama yang dipraltetapkan.
 - Untuk menghentikan penalaan automatik, tekan ■.

Catatan

- Sistem Teater Rumah ini boleh menyimpan sehingga maksimum 40 stesen radio.
- Jika pemasangan auto tidak diaktifkan atau kurang daripada 5 stesen radio disimpan, anda akan digesa untuk memasang stesen radio sekali lagi

Dengar radio

- Tekan **RADIO**.
- Gunakan kawalan jauh untuk mengawal radio.

Butang	Tindakan
◀ / ▶	Pilih saluran radio pratetap
▲ / ▼	Menala frekuensi radio ke atas atau bawah.
■	Tekan dan tahan butang ini untuk memadam stesen radio semasa daripada senarai pratetap. <ul style="list-style-type: none">Nombor pratetap untuk stesen radio yang lain tetap tidak berubah.

Pasang semula semua stesen radio

- Tekan **RADIO**.
- Tekan dan tahan **PROGRAM** selama lebih daripada 5 saat.
↳ Semua stesen radio yang disimpan sebelum ini digantikan.

Catatan

- Periksa sambungan antena radio jika tiada isyarat stereo dikesan atau kurang daripada 5 stesen dikesan semasa pemasangan radio.

Cari dan simpan stesen radio secara individu

- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Tekan **◀ / ▶**.
 - ↳ Ia mula mencari sehingga stesen radio dikesan.
- 3 Ulang langkah 2 sehingga anda menala ke stesen radio yang anda hendak simpan.
 - Untuk menala halus frekeensi radio, tekan **▲ / ▼**.
- 4 Tekan **PROGRAM**.
 - ↳ Nombor stesen yang dipratetap berkelip.
 - ↳ Jika tiada tindakan dijalankan dalam masa 20 saat selepas langkah di atas, ia keluar daripada mod pratetap.
- 5 Tekan **◀ / ▶** (atau **Butang angka**) untuk memilih nombor pratetap untuk disimpan.
- 6 Tekan **PROGRAM** untuk mengesahkan.

Tukar grid talaan

Di beberapa negara, selang frekuensi antara saluran bersebelahan dalam jalur FM ialah 50kHz atau 100 kHz.



Catatan

- Ciri ini hanya digunakan untuk daerah yang tertentu.
- Menukar grid talaan memadamkan semua stesen radio pratetap.

- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Tekan **■**.
- 3 Tekan dan tahan **▶(Main)** sehingga 'GRID 9' atau 'GRID 10' dipaparkan.
 - ↳ 'GRID 9' untuk 50 kHz dan 'GRID 10' untuk 100 kHz.


6 Laraskan bunyi

Kawal kelantangan

- 1 Tekan $\Delta +/-$ untuk menaikkan atau mengurangkan kelantangan.
 - Untuk membisukan, tekan \times .
 - Untuk memulih kelantangan, tekan \times sekali lagi atau tekan $\Delta +$.

Tukar trebel dan bes


Tukar tetapan frekuensi (trebel) tinggi atau frekuensi rendah (bes) Sistem Teater Rumah untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.



- 1 Tekan **TREBLE** atau **BASS**.
- 2 Dalam masa lima saat, tekan $\Delta +/-$ untuk menaikkan atau mengurangkan trebel atau bes.

Pilih bunyi surround

Alami pengalaman audio perendaman dengan mod bunyi surround.



- 1 Tekan **SURR. SOUND** berulang kali untuk memilih output surround terbaik yang tersedia pada cakera.

Opsi	Perihalan
5 CH STEREO	Meningkatkan output saluran stereo dengan menggandakan output bunyi ke pembesar suara tengah dan belakang. Sempurna untuk muzik parti.
MULTI-CHANNEL/DPLII	Output surround berbilang saluran: DTS, Dolby TrueHD dan Dolby Pro Logic II.
STEREO	Bunyi stereo daripada dua pembesar suara hadapan.




Catatan

- Produk ini juga mempunyai kemampuan untuk menyahkod 5.1 DTS-Digital Surround.

Pilih bunyi pratetap

Pilih mod bunyi yang dipratetapkan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.



- 1 Tekan **SOUND MODE** berulang kali untuk mengitar melalui mod bunyi yang tersedia.

Mod bunyi	Perihalan
ACTION / ROCK	Julat rendah dan tinggi dipertingkatkan. Sempurna untuk filem aksi dan muzik rock atau pop.
DRAMA / JAZZ	Julat sederhana dan tinggi yang jelas. Sempurna untuk filem drama dan muzik jazz.
CONCERT/ CLASSIC	Bunyi neutral. Sempurna untuk konsert secara langsung dan muzik klasik.
SPORTS	Kesan julat pertengahan yang sederhana dan surround untuk vokal yang jelas serta suasana venue sukan secara langsung.

7 Laraskan tetapan

Anda boleh menyesuaikan pelbagai jenis tetapan sebagaimana yang anda gemari. Rujuk kepada arahan berikut untuk menavigasi melalui menu persediaan.



Catatan

- Anda tidak boleh mengubah tetapan yang telah dikelabukan.

Persediaan Video

- 1 Tekan .
- 2 Pilih [Seting], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [P'sediaan Video], kemudian tekan .

P'sediaan Video	Audio	● English
P'sediaan Audio	Sarikata	● Mati
Persediaan Keutamaan	Menu Cakera	● English
Psdiaan E/Link	Paparan TV	● 16:9 Skrin lbr
Psdiaan Lanjutn	Video HDMI	● Auto
	Wrna Gelap HDMI	● Auto
	Video Komponen	● 480i/576i
	Seting Gambar	● Piawai

- 4 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 5 Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.
 - Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan BACK.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan .



Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Audio]

Memilih bahasa audio lalai untuk mainan cakera.

[Sarikata]

Memilih bahasa sarikata lalai untuk mainan cakera.

[Menu Cakera]

Memilih bahasa untuk menu cakera.



Catatan

- Jika bahasa yang telah anda tetapkan tidak tersedia pada cakera, cakera menggunakan bahasa lainnya sendiri.
- Untuk sesetengah cakera, bahasa sarikata/ audio hanya boleh ditukar daripada menu cakera.

[Paparan TV]

Memilih satu daripada format paparan berikut yang boleh disokong oleh cakera.



4:3 Pan Scan (PS)



4:3 Peti Surat (LB)



16:9 (Skrin Lebar)

- **[4:3 Imbas sorot]** – Untuk skrin TV 4:3: paparan ketinggian penuh dengan tepi yang dipotong.
- **[4:3 Kotak surat]** – Untuk skrin TV 4:3: paparan skrin lebar dengan bar hitam di bahagian atas dan bawah skrin.
- **[16:9 Skrin lbr]** – Untuk TV skrin lebar: nisbah paparan 16:9.

[Video HDMI]

Memilih resolusi output video HDMI yang serasi dengan kemampuan paparan TV anda.

- **[Auto]** - Mengesan dan memilih resolusi video yang paling disokong secara automatik.
- **[Asli]** - Menetapkan resolusi video asal.
- **[480i/576i], [480p/576p], [720p], [1080i], [1080p], [1080p/24Hz]** - Memilih tetapan resolusi video yang paling disokong oleh TV. Lihat manual TV untuk mendapatkan butiran.

Catatan

- Jika tetapan tidak serasi dengan TV anda, skrin kosong akan muncul. Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan automatik atau tekan **HDMI** berulang kali sehingga gambar muncul.

[Wrna Gelap HDMI]

Ciri ini tersedia hanya apabila peranti paparan disambungkan dengan kabel HDMI, dan apabila ia menyokong ciri warna pekat.

- **[Auto]** – Menghidupkan secara automatik jika peranti paparan yang disambungkan menyokong warna gelap HDMI.
- **[Hidup]** - Menikmati imej terang dalam lebih daripada satu bilion warna pada TV yang didayakan dengan Warna Pekat. Mengoutput warna 12 bit yang mengurangkan kesan posterisasi.
- **[Mati]** - Mengoutput warna 8 bit standard.

[Video Komponen]

Memilih resolusi output video Komponen yang serasi dengan kemampuan paparan TV.

- **[480i/576i], [480p/576p], [720p], [1080i]** - Memilih tetapan resolusi video yang paling baik disokong oleh TV. Lihat manual TV untuk mendapatkan butiran.

Catatan

- Jika tetapan tidak serasi dengan TV, skrin kosong muncul. Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan automatik.

[Seting Gambar]

Memilih set pratentu bagi tetapan warna gambar.

- **[Piawai]** – Tetapan warna asal.
- **[Terang]** – Tetapan warna terang.
- **[Sejuk]** - Tetapan warna lembut.
- **[Tindakan]** – Tetapan warna jelas. Ia meningkatkan butiran di kawasan gelap. Sempurna untuk filem aksi.
- **[Animasi]** – Tetapan warna kontras. Sempurna untuk gambar animasi.

[Paras Hitam]

Meningkatkan kontras warna hitam.

- **[Normal]** - Aras hitam standard.
- **[Ditingkatkan]** - Meningkatkan aras hitam.

Persediaan Audio

- 1 Tekan **Home**.
- 2 Pilih **[Seting]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[P'sediaan Audio]**, kemudian tekan **Next**.

P'sediaan Video	Mod Malam	● Mati
P'sediaan Audio	Audio HDMI	● Auto
Persediaan Keutamaan	Sdiaan Speakr	●
Psdiaan E/Link		
Psdiaan Lanjutn		

- 4** Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 5** Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.
- Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **BACK**.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **Home**.

Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Mod Malam]

Menjadikan paras buni yang kuat lebih perlahan dan paras buni yang perlahan lebih kuat supaya anda dapat menonton cakera pada kelantangan yang rendah, tanpa mengganggu orang lain.

- [Hidup]** – Untuk tontonan senyap pada waktu malam.
- [Mati]** – Untuk buni surround dengan julat dinamik lengkap.

Catatan

- Digunakan hanya pada video DVD atau video BD yang mempunyai pengekodan Dolby.

[Audio HDMI]

Memilih output audio HDMI apabila anda menyambungkan Sistem Teater Rumah ini dan peranti TV/audio dengan kabel HDMI.

- [Sebagai Sumber]** – Format audio tidak ditukarkan. Trek audio kedua pada cakera Blu-ray mungkin tidak tersedia.
- [Auto]** – Mengesan dan memilih format audio yang paling disokong secara automatik.
- [Mati]** - Menyahdaya audio daripada TV.

[Sdiaan Speakr]

Mengoptimumkan output buni untuk sistem penbesar suara yang disambungkan.

Opsyen	Perihalan
[Lengah Speaker]	Menetapkan masa tunda bagi pembesar suara tengah atau belakang sekiranya ia diletakkan lebih dekat dengan kedudukan pendengaran, supaya output buni daripada semua pembesar suara tiba ke kedudukan pendengaran pada masa yang sama.
[KIntngn Speaker]	Menetapkan paras kelantangan setiap pembesar suara dan subwoofer untuk mendapatkan keseimbangan audio yang sempurna.

Petua

- Nada ujian dipancarkan daripada pembesar suara semasa melaraskan tahap kelantangan.
- Benarkan tetapan 1ms bagi setiap jarak 30cm antara pembesar suara dan kedudukan pendengaran.

Persediaan Keutamaan

- 1 Tekan **Home**.
- 2 Pilih **[Seting]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Persediaan Keutamaan]**, kemudian tekan **▶**.

P'sediaan Video	Bahasa OSD	● English
P'sediaan Audio	Kwl Ibu Bapa	● Mati
Persediaan Keutamaan	Gambar Skrin	● Hidup
Psdiaan E/Link	Tukar PIN	●
Psdiaan Lanjutn	Panel Paparan	● 100%
	Siap sedia Auto	● Hidup
	PBC	● Hidup
	Pemas Tidur	● Mati

- 4 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 5 Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.
 - Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **BACK**.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **Home**.

Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Bahasa OSD]

Pilih bahasa lalai bagi menu pada skrin.

Catatan

- Jika produk ini disambungkan kepada TV yang mematuhi HDMI CEC dengan menggunakan kabel HDMI, ia akan beralih ke bahasa paparan menu yang sama secara automatik seperti di dalam tetapan TV anda.

[Kwl Ibu Bapa]

Hadkan akses kepada cakera yang tidak sesuai untuk anak-anak anda. Cakera jenis ini mesti dirakam bersama pengadaran.

Untuk mengakses, masukkan kata laluan anda yang paling baru ditetapkan atau '**0000**' menggunakan papan kekunci pada TV.

Catatan

- Cakera yang nilai pengadarannya melebihi tahap yang anda tetapkan dalam **[Kwl Ibu Bapa]** memerlukan kata laluan untuk dimainkan.
- Pengadaran adalah bergantung kepada negara. Untuk membenarkan semua cakera untuk dimainkan, pilih '**8**' untuk video DVD dan Video BD.
- Sesetengah cakera mempunyai kadar yang tercetak padanya tetapi tidak dirakam bersama kadar. Fungsi ini tidak memberi kesan pada cakera sedemikian.

[Gambar Skrin]

Mati atau hidupkan mod gambar skrin. Membantu melindungi skrin TV daripada mengalami kerosakan disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada imej statik buat tempoh masa yang terlalu lama.

- **[Hidup]** – Menetapkan gambar skrin supaya muncul setelah 10 minit tiada aktiviti (contohnya, dalam mod jeda atau berhenti).
- **[Mati]** – Menyahdayakan mod gambar skrin.

[Tukar PIN]

Menetapkan atau menukar kata laluan.

- 1) Tekan **Butang angka** untuk memasukkan kata laluan atau kata laluan anda yang paling baru ditetapkan. Jika anda terlupa kata laluan anda, masukkan '**0000**', kemudian tekan **OK**.
- 2) Masukkan kata laluan baru.
- 3) Masukkan kata laluan yang sama sekali lagi.
- 4) Berpindah ke **[Sahkan]** dalam menu dan tekan **OK**.

[Panel Paparan]

Memilih tahap kecerahan bagi paparan panel hadapan.

- [100%] - Paling Cerah
- [70%] - Sederhana
- [40%] - Paling Suram

[Siap sedia Auto]

Mematikan atau menghidupkan mod suis siap sedia. Ia adalah ciri penjimatan tenaga.

- [Hidup] – Bertukar ke siap sedia setelah 30 minit tiada aktiviti (contohnya, dalam mod jeda atau berhenti).
- [Mati] - Menyahdayakan mod siap sedia automatik.

[PBC]

Memati atau menghidupkan menu kandungan VCD/SVCD dengan ciri PBC (kawalan main balik).

- [Hidup] - Memaparkan menu indeks apabila anda memuatkan cakera untuk dimainkan.
- [Mati] - Melangkau menu dan memulakan mainan daripada tajuk pertama.

[Pemasa Tidur]

Beralih ke siap sedia secara automatik selepas menunda.

- [Mati] - Menyahdayakan pemasa tidur.
- [15 Minit], [30 Minit], [45 Minit], [60 Minit] – Pilih penundaan.

Persediaan Pautan Mudah

- 1 Tekan .
- 2 Pilih [Seting], kemudian tekan OK.
- 3 Pilih [Psdiaan E/Link], kemudian tekan ►.

P'sediaan Video	EasyLink	● Hidup
P'sediaan Audio	Main Satu Sntuh	● Hidup
Persediaan Keutamaan	S/Sdia Satu Sntuh	● Hidup
Psdiaan E/Link	Kawalan Audio Sistem	● Mati
Psdiaan Lanjutn	Pmtaan Input Aud	●

- 4 Buat pilihan, kemudian tekan OK.
- 5 Pilih tetapan, kemudian tekan OK .
 - Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan  BACK.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan .



- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[EasyLink]

Produk anda menyokong Pautan Mudah Philips, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Peranti yang akur PautanMudah yang bersambung melalui penyambung HDMI boleh dikawal dengan satu kawalan jauh.

- [Hidup] - Mendayakan ciri EasyLink.
- [Mati] - Menyahdayakan ciri Pautan Mudah.

[Main Satu Sntuh]

Apabila anda menekan **PLAY** pada kawalan jauh, TV (jika menyokong mainan satu sentuhan) dan Sistem Teater Rumah akan dihidupkan. Mainan cakera bermula jika terdapat cakera dalam Sistem Teater Rumah dan TV beralih secara automatik kepada saluran yang betul untuk menayangkan kandungan video.

- **[Hidup]** - Mendayakan ciri mainan satu sentuhan.
- **[Mati]** - Menyahdayakan ciri mainan satu sentuhan.

[S/Sdia Satu Sntuh]

Apabila anda menekan dan menahan **Ø** (**Bersedia**) pada kawalan jauh, Sistem Teater Rumah ini dan semua semula peranti HDMI CEC yang bersambung (jika menyokong siap sedia satu sentuhan) beralih ke mod siap sedia serentak.

- **[Hidup]** - Mendayakan ciri siap sedia satu sentuhan.
- **[Mati]** - Menyahdayakan ciri siap sedia satu sentuhan.

Catatan

- Apabila **[Mati]** dipilih, Sistem Teater Rumah tidak boleh beralih kepada siap sedia oleh kawalan jauh daripada TV atau peranti lain.

[Kawalan Audio Sistem]

Apabila anda memainkan peranti yang output audionya dihala ke Sistem Teater Rumah ini, Sistem Teater Rumah ini beralih ke sumber audio serentak.

- **[Hidup]** - Mendayakan ciri kawalan audio sistem. Kemudian teruskan ke **[Pmtaan Input Aud]** untuk mengimbas dan memetakan semua peranti yang bersambung.
- **[Mati]** - Menyahdayakan ciri kawalan audio sistem.

[Pmtaan Input Aud]

Petakan sambungan antara peranti lain dan bincu input audio Sistem Teater Rumah ini. Hanya peranti yang dikesan akan dipaparkan untuk pemetaan.



Catatan

- Anda perlu mendayakan **[Kawalan Audio Sistem]** sebelum anda memetakan input audio.

Persediaan Lanjut

- 1 Tekan **⌂**.
- 2 Pilih **[Seting]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Psdiaan Lanjutn]**, kemudian tekan **▶**.

P'sediaan Video	Kslmatan BD-Live	<input type="radio"/> Mati
P'sediaan Audio	Rangkaian	<input checked="" type="radio"/>
Persediaan Keutamaan	M/Turun Perisian	<input checked="" type="radio"/>
Psdiaan E/Link	Ksngkn Storan Tmptrn	<input checked="" type="radio"/>
Psdiaan Lanjutn	Kod VOD DivX®	<input checked="" type="radio"/>
	Maklumat Versi	<input checked="" type="radio"/>
	Simpan Smla Seting Kilang	<input checked="" type="radio"/>

- 4 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 5 Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.
 - Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **⬅ BACK**.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **⌂**.



Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Kslmatan BD-Live]

Anda boleh menyekat akses internet semasa cakera BD-R/RE sedang digunakan.

- **[Hidup]** - Akses Internet dilarang bagi semua kandungan BD-Langsung.
- **[Mati]** - Akses Internet dibenarkan bagi semua kandungan BD-Langsung.

[Rangkaian]

Menyediakan sambungan kepada rangkaian luaran bagi muat turun perisian dan aplikasi BD-Langsung. Ia memandu anda melalui prosedur pemasangan rangkaian langkah demi langkah.

Catatan

- Terdapat perihalan yang lebih terperinci, lihat 'Bermula' > 'Sediakan rangkaian'.

[M/Turun Perisian]

Kemas kini perisian produk ini (jika versi lebih baru tersedia pada tapak web Philips) untuk mempertingkatkan kebolehmainan.

- **[USB]** - Memuat turun perisian melalui USB.
- **[Rangkaian]** - memuat turun perisian melalui rangkaian.

Catatan

- Terdapat perihalan yang lebih terperinci, lihat 'Maklumat Tambahan' > 'Naik taraf Perisian'.

[Ksngkn Storan Tmptn]

Padam kandungan folder simpanan BD-Live pada pemacu USB.

Catatan

- Simpanan tempatan adalah folder (BUDA) yang terletak pada peranti USB yang disambungkan.

[Kod VOD DivX®]

Memaparkan kod pendaftaran DivX®.

Petua

- Masukkan kod pendaftaran DivX produk ini apabila anda menyewa atau membeli video daripada www.divx.com/vod. Video DivX yang disewa atau dibeli melalui perkhidmatan DivX® VOD (Video Atas Permintaan) boleh dimainkan hanya pada peranti yang didaftarkan.

[Maklumat Versi]

Memaparkan versi perisian Sistem Teater Rumah ini.

Petua

- Maklumat ini diperlukan apabila anda hendak tahu sama ada versi perisian yang terbaru tersedia di tapak web Philips yang anda mungkin hendak muat turun dan pasang pada Sistem Teater Rumah ini.

[Simpan Smla Seting Kilang]

Tetapkan semula semua tetapan produk ini ke tetapan kilang, kecuali untuk tetapan **[Kwlanc Ibu Bapa]**.

8 Kemas kinikan perisian

Untuk memeriksa kemas kinian baru, bandingkan versi perisian semasa teater rumah anda dengan versi perisian yang terkini (jika tersedia) di tapak web Philips.

- 1 Tekan .
- 2 Pilih **[Seting]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Psdiaan Lanjutn] > [Maklumat Versi]**, kemudian tekan **OK**.

Kemas kini perisian melalui rangkaian

- 1 Sediakan sambungan rangkaian, lihat bab ‘Bermula’ > ‘Sediakan rangkaian’ untuk mendapatkan maklumat terperinci.
- 2 Di menu Laman utama, pilih **[Seting] > [Psdiaan Lanjutn] > [M/Turun Perisian] > [Rangkaian]**.
- 3 Ikut arahan pada TV untuk mengesahkan operasi kemas kinian.
↳ Sebaik sahaja kemas kinian perisian selesai, Sistem Teater Rumah ini dimatikan kepada siap sedia secara automatik.
- 4 Putuskan sambungan kord kuasa selama beberapa saat dan sambungkannya semula untuk but semula Sistem Teater Rumah.

Kemas kinikan perisian melalui USB

- 1 Pergi ke www.philips.com/support untuk melihat jika versi perisian terkini disediakan untuk Sistem Teater Rumah ini.
- 2 Buat folder yang dinamakan ‘UPG’ dalam akar pemacu denyar USB.
- 3 Muat turun perisian ke folder ‘UPG’ bagi pemacu denyar USB.
- 4 Buka zip perisian yang dimuat turun dalam folder ‘UPG’.
- 5 Masukkan pemacu denyar USB ke Sistem Teater Rumah ini.
- 6 Di menu Laman utama, pilih **[Seting] > [Psdiaan Lanjutn] > [M/Turun Perisian] > [USB]**.
- 7 Ikut arahan pada TV untuk mengesahkan operasi kemas kinian.
↳ Sebaik sahaja kemas kinian perisian selesai, Sistem Teater Rumah ini dimatikan kepada siap sedia secara automatik.
- 8 Putuskan sambungan kord kuasa selama beberapa saat dan sambungkannya semula untuk but semula Sistem Teater Rumah.



Catatan

- Jangan matikan kuasa atau keluarkan USB semasa kemas kinian perisian sedang dijalankan kerana ia boleh merosakkan Sistem Teater Rumah.

9 Spesifikasi

Catatan

- Spesifikasi dan reka bentuk tertakluk kepada perubahan tanpa notis

Media main balik

- BD-Video, BD-R, BD-RE, DVD-Video, DVD+R/+RW, DVD-R/-RW, DVD+R/-R DL, CD-R/CD-RW, Audio CD, Video CD/SVCD, CD Gambar, MP3-CD, WMA-CD, DivX (Ultra)-CD, pemacu denyar USB.

Amplifier

- Jumlah kuasa output: 1000 W RMS
- Respons frekuensi: 40 Hz ~ 20 kHz
- Nisbah Isyarat- ke-bunyi: > 65 dB (A-diberatkan)
- Kepekaan input:
 - AUX1/2: 400 mV
 - MP3 LINK: 250 mV

Video

- Sistem isyarat: PAL / NTSC
- Output video komponen: 480i/576i, 480p/576p, 720p, 1080i
- Output HDMI 480p, 576p, 720p, 1080i, 1080p, 1080p24

Audio

- Input audio S/PDIF Digital:
 - Sepaksi: IEC 60958-3
 - Optik: TOSLINK
- Frekuensi pensampelan:
 - MP3: 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz
 - WMA: 44.1 kHz, 48 kHz
- Kadar bit tetap:
 - MP3: 112 kbps - 320 kbps
 - WMA: 48 kbps - 192 kbps

Radio

- Julat talaan: FM 87.5-108 MHz (50/100 kHz)
- Nisbah isyarat ke bunyi: FM 50 dB
- Respons frekuensi: FM 180 Hz ~ 10 kHz / ±6dB

USB

- Keserasian: USB Kelajuan tinggi (2.0)
- Sokongan kelas: UMS (Kelas Penyimpanan Massa USB)
- Sistem failFile system: FAT16, FAT32

Unit Utama

- Bekalan kuasa: 110-127V/220-240V; ~50-60Hz boleh saling tukar
- Penggunaan kuasa: 180 W
- Penggunaan kuasa siap sedia: < 0.8 W
- Dimensions (LxTxD): 435 × 64 × 341 (mm)
- Berat: 4 kg

Pembesar Suara

- Sistem: satelit julat penuh
- Impedans pembesar suara: 3 ohm (tengah), 5 ohm (Depan/Belakang)
- Pemacu pembesar suara:
 - Tengah/Depan/Belakang: 2 × 3" woofer + 1 × 2" tweeter
- Respons frekuensi: 130 Hz ~ 20 kHz
- Dimensi (LxTxD):
 - Untuk HTS7500:
 - Tengah: 370 × 104 × 87 (mm)
 - Depan/Belakang: 130 × 324 × 130 (mm)
 - For HTS7520:
 - Tengah: 370 × 104 × 87 (mm)
 - Depan: 247 × 1108 × 247 (mm)
 - Belakang: 130 × 324 × 130 (mm)
 - Untuk HTS7540:
 - Tengah: 370 × 104 × 87 (mm)
 - Depan/Belakang: 247 × 1108 × 247 (mm)

- Berat:
 - Untuk HTS7500:
 - Tengah: 1.3 kg
 - Depan/Belakang: 1.5 kg
 - For HTS7520:
 - Tengah: 1.3 kg
 - Depan: 3.9 kg
 - Belakang: 1.5 kg
 - Untuk HTS7540:
 - Tengah: 1.3 kg
 - Depan/Belakang: 3.9 kg

Subwoofer

- Impedans: 3 ohm
- Pemacu pembesar suara: 165 mm (6.5'')
woofer
- Respons frekuensi: 45 Hz ~ 5 kHz
- Dimensi (LxTxD): 295 x 375 x 295 (mm)
- Berat: 6.3 kg

Spesifikasi Laser

- Jenis Laser:
 - Diod Laser BD: InGaN/AlGaN
 - Diod Laser DVD: InGaAlP
 - Diod Laser CD: AlGaAs
- Panjang gelombang:
 - BD: 405 +5nm/-5nm
 - DVD: 650 +5nm/-10nm
 - CD: 790 +10nm/-20nm
- Kuasa output:
 - BD: Maks. pengadaran: 20mW
 - DVD: Maks. pengadaran: 7mW
 - CD: Maks. pengadaran: 7mW

10 Menyelesaikan masalah



Amaran

- Risiko kejutan elektrik. Jangan keluarkan sarung produk ini.

Supaya jaminan tetap sah, jangan cuba baiki sistem ini sendiri.

Jika anda mempunyai masalah menggunakan produk ini, periksa perkara yang berikut sebelum anda memohon perkhidmatan. Jika anda masih mempunyai masalah, daftar produk anda dan dapatkan sokongan di www.philips.com/welcome.

Jika anda menghubungi Philips, anda akan diminta untuk memberikan model dan nombor siri produk anda. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang produk anda. Tulis nombor tersebut di sini:

No. Model _____

No. Siri _____

Unit utama

Butang pada teater rumah tidak berfungsi.

- Putuskan sambungan teater rumah daripada alur keluar kuasa selama beberapa minit, kemudian, sambung semula.

Gambar

Tiada gambar.

- Pastikan TV dialihkan ke sumber yang betul untuk teater rumah ini.

Tiada gambar pada sambungan HDMI.

- Jika peranti yang bersambung tidak mematuhi HDCP, anda tidak boleh menghantar gambar melalui sambungan HDMI. Gunakan sambungan video komposit atau komponen.
- Periksa sama ada kabel HDMI rosak. Gantikan kabel HDMI yang baru.
- Jika ini terjadi apabila anda menukar resolusi video HDMI, tekan **HDMI** berulang kali sehingga gambar muncul.

Tiada gambar pada sambungan Komponen (Y Pb Pr).

- Jika sambungan video HDMI ditetapkan kepada **[Auto]** atau **[1080p/24Hz]**, tiada output video melalui sambungan komponen. Ubah tetapan video HDMI atau tanggalkan sambungan HDMI.

Tiada isyarat video definisi tinggi pada TV.

- Pastikan cakera mengandungi video definisi tinggi.
- Pastikan sokongan TV mengandungi video definisi tinggi.

Bunyi

Tiada bunyi.

- Pastikan kabel audio bersambung dan pilih sumber input yang betul (contohnya, **AUDIO SOURCE, USB**) untuk peranti yang anda hendak mainkan.

Tiada bunyi pada sambungan HDMI.

- Jika peranti yang bersambung tidak mematuhi HDCP atau hanya serasi DVI, anda tidak boleh menghantar bunyi melalui sambungan HDMI. Gunakan sambungan audio analog atau digital.
- Pastikan tetapan **[Audio HDMI]** dihidupkan.

Tiada bunyi dari program TV.

- Sambungkan kabel audio dari input audio pada teater rumah ini ke output audio pada TV anda. Kemudian, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber audio yang betul.

Tiada kesan bunyi sekeliling daripada pembesar suara.

- Tekan **SURR. SOUND** untuk memilih tetapan bunyi surround yang betul.
- Pastikan sumber yang anda mainkan dirakam atau disiarkan dalam bunyi surround (Dolby Digital, dll). Bunyi tidak dapat dihantar melalui sambungan HDMI jika peranti yang disambungkan mematuhi bukan HDCP atau hanya serasi DVI. Lakukan sambungan audio analog atau digital.

Kandungan pemacu denyar USB tidak boleh dibaca.

- Format pemacu denyar USB tidak serasi dengan produk ini.
- Pemacu diformatkan dengan sistem fail yang berlainan yang tidak disokong oleh produk ini (cth. NTFS).

Tanda ‘No entry’ (Tiada entri) muncul pada TV.

- Operasi tidak boleh dijalankan.

Tidak dapat mengakses ciri BD-Live.

- Semak sambungan rangkaian atau pastikan rangkaian telah disediakan.
- Kosongkan simpanan tempatan, memori dalaman (jika ada) atau USB.
- Pastikan cakera BD menyokong ciri BD Live.

Main

Cakera tidak boleh dimainkan.

- Pastikan produk ini menyokong cakera. Lihat ‘Spesifikasi’.
- Pastikan produk ini menyokong kod rantau DVD atau BD.
- Untuk DVD±RW or DVD±R, pastikan cakera dimuktamadkan.
- Bersihkan cakera.

Fail data (JPEG, MP3, WMA) tidak boleh dimainkan atau dibaca.

- Pastikan fail data telah dicatat dalam format UDF, ISO9660 atau JOLIET.
- Pastikan lanjutan fail JPEG ialah .jpg, .JPG, .jpeg atau .JPEG.
- Pastikan lanjutan fail MP3/WMA adalah .mp3 atau .MP3, dan .wma atau .WMA untuk tetingkap Media™ Audio.

Fail video DivX tidak boleh dimainkan.

- Pastikan fail video DivX lengkap.
- Pastikan lanjutan nama fail betul.

11 Glossary

A

AVCHD

AVCHD adalah format baru (standard) untuk kamera video definisi tinggi yang boleh digunakan untuk merakam dan memainkan imej HD resolusi tinggi.

B

BD-J

Sesetengah cakera BD-Video mengandungi aplikasi Java dan aplikasi ini dipanggil BD-J. Anda boleh menikmati pelbagai ciri interaktif sebagai tambahan kepada memainkan video normal.

BONUSVIEW

Ini adalah Video BD (Profil Standard Muktamad atau Profil 1.1) yang menyokong kandungan interaktif yang dikodkan pada cakera, seperti gambar-dalam-gambar. Ini bermakna anda boleh memainkan video utama dan video kedua secara serentak.

C

Cakera Blu-ray (BD)

Cakera Blu-ray adalah cakera video optik generasi masa hadapan yang mampu menyimpan lima kali ganda jumlah data daripada DVD biasa. Kemampuan besar ini memungkinkan kita mendapat faedah daripada ciri seperti video definisi tinggi, bunyi surround berbilang saluran, menu interaktif dan sebagainya.

D

DivX Video-Atas-Permintaan

Peranti DivX Certified ® inib mestи didaftarkan supaya kandungan DivX Video-atas-Permintaan (VOD) dapat dimainkan. Untuk menjana kod pendaftaran, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com dengan kod ini untuk melengkapkan proses pendaftaran dan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai video DivX.

Dolby Digital

Sistem bunyi keliling yang dibangunkan oleh Dolby Laboratories yang mengandungi sehingga enam saluran audio digital (bahagian depan kiri dan kanan, keliling kiri dan kanan, tengah dan subwoofer.)

Dolby Pro Logic IIx

Sebagai lanjutan, teknologi penyahkodan matriks yang memperbesarkan mana-mana audio dua saluran atau saluran berbilang 5.1 kepada main semula saluran 7.1 yang memberikan pengalaman bunyi surround.

DOLBY TrueHD

Dolby TrueHD adalah format audio berkualiti sangat tinggi yang menghasilkan semula audio master studio.

DTS

Digital Theatre Systems. Sistem bunyi keliling untuk menyediakan 5.1 saluran audio digital berasingan dalam produk elektronik pelanggan dan kandungan perisian. Ia tidak dibangunkan oleh Dolby Digital.

DTS-HD

DTS-HD adalah format audio berkualiti tinggi dan sofistikated yang digunakan dalam teater filem. Kelengkapan DTS Digital Surround serasi sebelum ini boleh memainkan DTS-HD sebagai audio Surround DTS Digital. BD-Video menyokong sehingga 7.1-saluran output.

H

HDCP

Perlindungan Kandungan Digital Lebar Jalur Tinggi (HDCP). Ini adalah spesifikasi yang memberikan penghantaran selamat kandungan digital antara peranti yang berlainan (untuk mengelakkan hak cipta yang tidak diizinkan.)

HDMI

Antara Muka Multimedia Definisi Tinggi (HDMI) adalah antara muka digital kelajuan tinggi yang boleh memindahkan video definisi tinggi dan audio berbilang saluran digital yang tidak dimampatkan. Ia menghantar gambar berkualiti tinggi serta kualiti bunyi yang bebas daripada hingar. HDMI adalah sesuai-mundur sepenuhnya dengan DVI.

Seperti yang dikehendaki oleh standard HDMI, menyambung ke HDMI atau produk DVI tanpa HDCP (Perlindungan Kandungan Digital Band lebar Tinggi) tidak akan menghasilkan output Video atau Audio.

M

MP3

Format fail dengan sistem pemampatan data bunyi. MP3 adalah singkatan kepada Motion Picture Experts Group 1 (atau MPEG-1) Audio Layer 3. Dengan format MP3, satu CD-R atau CD-RW boleh mengandungi lebih kurang 10 kali lebih data berbanding CD biasa.

P

PBC

Kawalan Main Balik. Sistem di mana anda boleh menavigasi melalui CD Video/Super VCD dengan menu pada skrin yang dirakamkan pada cakera. Anda boleh menikmati main semula yang interaktif serta membuat carian.

Penyimpanan tertentu

Kawasan simpanan ini digunakan sebagai destinasi untuk menyimpan kandungan tambahan dari BD-Live didayakan BD-Video.

V

Video DivX

DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, Inc. Ini adalah peranti Disahkan DivX rasmi yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.

W

WMA

Windows Media™ Audio. Merujuk kepada teknologi mampat audio yang telah dibangunkan oleh Microsoft Corporation. Data WMA boleh dikodkan dengan menggunakan pemain Windows Media versi 9 atau pemain Windows Media untuk Windows XP. Fail dikenali oleh tambahan fail '.wma.' nya.

J

JPEG

Format gambar pegun digital yang sangat lazim. Sistem pemampatan data gambar pegun yang dicadangkan oleh Joint Photographic Expert Group, yang mencirikan pengurang kecil dalam kualiti imej berbanding dengan nisbah pemampatannya yang tinggi. Fail dikenali mengikut sambungan failnya ‘.jpg’ atau ‘.jpeg’.

L

LAN (Rangkaian Kawasan Tempatan)

Sekumpulan peranti yang dipautkan dalam syarikat, sekolah atau rumah. Menandakan sempadan rangkaian tertentu.





© 2009 Koninklijke Philips Electronics N.V.

All rights reserved.

sgptt_0931/98_1

